

PENGARUH ELEMEN ISLAM LIBERAL TERHADAP AQIDAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN: SATU TINJAUAN AWAL

Muhamad Faiz Ismail ¹

Ab. Halim Tamuri ²

Kamarul Azmi Jasmi ¹

¹Universiti Teknologi Malaysia

²Universiti Kebangsaan Malaysia

Suggested Citation:

Ismail, M. F., Tamuri, A. H., & Jasmi, K. A. (2012). Pengaruh Elemen Islam Liberal Terhadap Aqidah Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Tinjauan Awal in *International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012* at Elaf Kinda Hotel Mecca, Saudi Arabia, on 1st-2nd June 2012, p. 289-300, ISBN: 978-967-10160-3-9.

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar mengenai Islam Liberal dan pengaruh fahaman ini terhadap aqidah pelajar di sebuah sekolah menengah kebangsaan. Tinjauan awal telah dijalankan terhadap 60 orang pelajar tingkatan 5 dengan menggunakan instrumen soal selidik. Data yang diperolehi telah diproses menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 17.0 dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar mengenai Islam Liberal adalah sederhana (min=2.i4) dan pengaruh elemennya juga berada pada tahap yang rendah (min=i.58). Namun, dapatan ini jelas membuktikan kewujudan pengaruh fahaman ini. Oleh itu, penghayatan akidah yang tinggi perlu dititikberatkan agar pelajar tidak mudah terpengaruh dengan fahaman yang boleh merosakkan aqidah.

REFERENCES

Al-Quran

Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd Ali. (2008). *Dakwah dan Cabaran : De- Islamisasi di Malaysia*. Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd.

Abdul Halim Mat Diah. (1989). *Pendidikan Islam Di Malaysia : Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Adian Husaini & Nuim Hidayat. (2002). *Islam Liberal : Sejarah, Konsepsi, Penyimpangan dan Jawabannya*. Jakarta: Gema Insani.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2010). *Islam dan Sekularisme*. Bandung: Institut Pemikiran Islam dan Pembangunan Insan.

Asghar Ali Engineer. (2004). *On Developing Theology of Peace in Islam* teij. Rizqon Khamami. Yogyakarta : Alenia Bentang Jendela Aksara.

Azma Mahmood. (2006). *Pengukuran tahap penghayatan Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Charles Kurzman (pnyt.). (1998). *Liberal Islam : A Sourcebook*. New York : Oxford University Press.

- Che Noraini Hashim. (2005). Keruntuhan akhlak dan pembangunan remaja masakini : cabaran Pendidikan Islam di Malaysia. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam : Pendidikan Islam Ke Arah Kemanusiaan Sejagat*, him. 19-28.
- H.M. Jajuli. (2004). Dilema Islam Liberal. *Dewan Budaya Jan* : 51-53.
- Hassan Ahmad. 2006. Pemikiran Islam Liberal : Suatu Ancaman. *Dewan Masyarakat Julai*: 22-23.
- Jaffary Awang & Kamaruddin Salleh. (2007). *Pemikiran Islam dan Isu-Isu Semasa*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, FPI, UKM.
- Khalif Muammar A. Harris. (2009). *Atas Nama Kebenaran : Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Bangi : Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Mohd Rumnaizuddin Ghazali. (2005). Ciri-ciri Islam Liberal. *Al-Islam* September : 18-20.
- Muhd Najib Abdul Kadir, Muhibudin Hassan & Mazlan Ibrahim. 2007. Tafsiran al-Quran dalam Perspektif Jaringan Islam Liberal. *Jurnal Islamiyyat*, Vol 29.
- Muhibudin Hasan. (2004). Tafsir jaringan islam liberal (JIL) : satu kajian analisis metodologi dan penyelewengan tafsir JIL di Indonesia. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muslim Gunawan. (2005). Metodologi ijtihad versi islam liberal: satu analisa atas metodologi ijtihad Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramli Awang. (2002). *Tasawwur Rabbani Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adnan Fadhil. (2006). *Siri Serangan Pemikiran : Islam Liberal dan Pluralisme Agama*. Batu Caves : MHI Publication.
- Rosnani Hashim. (2004). *Educational Dualism In Malaysia : Implications for Theory and Practice*. Selangor : The Other Press.
- Virginia Hooker & Amin Saikal. (2004). *Islamic Perspectives On The New Millennium*. Singapore : Institute of South-east Asian Studies.
- Zamihan Mat Zin. (2006). Ancaman liberalisme dan pluralisme. Kertas Kerja Seminar Wacana Ahli Sunnah Wal Jamaah. Anjuran Jabatan Agama Islam Pahang, 21 Jun.

**INTERNATIONAL CONFERENCE ON RESEARCH
IN ISLAMIC AND ARABIC LANGUAGE EDUCATION 2012
(ICRIALE 2012)**



**PENGARUH ELEMEN ISLAM LIBERAL TERHADAP AQIDAH
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN :
SATU TINJAUAN AWAL**

Muhamad Faiz Ismail
Universiti Teknologi Malaysia

Ab. Halim Tamuri
Universiti Kebangsaan Malaysia

Kamarul Azmi Jasmi
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar mengenai Islam Liberal dan pengaruh fahaman ini terhadap aqidah pelajar di sebuah sekolah menengah kebangsaan. Tinjauan awal telah dijalankan terhadap 60 orang pelajar tingkatan 5 dengan menggunakan instrumen soal selidik. Data yang diperolehi telah diproses menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 17.0 dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar mengenai Islam Liberal adalah sederhana (min=2.14) dan pengaruh elemennya juga berada pada tahap yang rendah (min=1.58). Namun, dapatan ini jelas membuktikan kewujudan pengaruh fahaman ini. Oleh itu, penghayatan akidah yang tinggi perlu dititikberatkan agar pelajar tidak mudah terpengaruh dengan fahaman yang boleh merosakkan aqidah.

PENGENALAN

Pada akhir abad ke-20 Masehi, umat Islam dikejutkan dengan fenomena baru dalam pemikiran Islam. Golongan yang memperkenalkan diri sebagai Islam Liberal ini telah menggemparkan dunia Islam dengan isu-isu kontroversi dan idea-idea yang berani. Gerakan Islam Liberal cukup popular di Indonesia. Namun begitu, tidak ramai yang menyedari bahawa gerakan ini mempunyai jaringan yang luas bukan sahaja di dunia Islam bahkan hampir di seluruh dunia.

Adian dan Nuim (2002) berpendapat, Islam Liberal terlalu mengagungkan kemodenan sehingga Islam harus disesuaikan dengan kemodenan. Justeru, jika terdapat konflik antara kemodenan dan ajaran Islam, maka ajaran Islam perlu ditafsirkan semula, bukannya menolak kemodenan. Mereka mendakwa bahawa gerakan yang dilakukan oleh mereka merupakan satu-satunya alternatif untuk menyatukan antara agama dan akal fikiran (Ridhuan & Ahmad, 2006). Pada pandangan mereka, majoriti umat Islam mengikut aliran tradisional-konservatif yang jumud dan tidak memberi ruang kepada akal fikiran untuk berperanan. Oleh itu, mereka mahu akal diberi peranan dalam kerangka yang lebih luas bagi

memastikan kerelevanan agama dalam dunia hari ini. Fakta ini merupakan bukti jelas penyelewengan yang dibawa oleh Islam Liberal.

Idea-idea para orientalis merupakan landasan utama pendokong Islam Liberal (Muslim Gunawan, 2005). Para intelektual Islam Liberal selalu menjadikan karya- karya para orientalis sebagai rujukan dalam memahami Islam. Kerjasama pendidikan dibuat dan ramai mahasiswa diberikan biasiswa untuk belajar di negara Barat yang menjadi tempat berkembangnya idea orientalisme. Hal ini boleh dianggap sebagai suatu usaha terancang untuk mendominasi pemikiran atau suatu bentuk penjajahan bukan fizikal pada zaman moden.

PERNYATAAN MASALAH

Fahaman Islam Liberal secara relatifnya baru berbanding dengan aliran-aliran lainnya (H.M. Jajuli, 2004). Aliran ini berusaha mempersembahkan Islam secara rasional dan *up to date*. Mereka sering membahaskan isu-isu penolakan syariat, pluralisme agama, pemisahan antara agama dan pemerintahan, kesamarataan gender, kebebasan berfikir dan lain-lain lagi (Jaffary & Kamaruddin, 2004). Justeru, tindak-tanduk mereka dilihat seolah-olah cuba mengubah imej Islam selari dengan kehendak barat.

Khalif Muammar (2009) berpendapat bahawa Islam Liberal merupakan suatu bentuk ancaman yang bertujuan untuk mengembalikan semula modenisme Islam pada abad ke-21. Ancaman ini dilihat lebih berbahaya berbanding dakyah Kristian, Hindu dan sebagainya kerana ia datang dari kalangan umat Islam sendiri. Fahaman Islam Liberal ini turut menyerap masuk ke dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia seperti Sisters In Islam (SIS). Sebagai contoh, tindakan Sisters In Islam (SIS) yang mempersoal hukuman sebat bagi kesalahan minum arak Kartika Sari Dewi dan mendakwa hukuman tersebut sebagai kejam merupakan salah satu usaha untuk mempromosikan fahaman tersebut. Hal ini merumitkan lagi usaha menyelamatkan aqidah umat Islam yang jelas tergugat berikutan kes kerosakan aqidah yang membawa kepada gejala murtad seperti kes Lina Joy. Senario murtad yang berlaku dalam kalangan umat Islam sebenarnya sudah menjadi barah yang serius, namun disebabkan kurang penonjolan menyebabkan ia berlaku secara senyap tetapi semakin bertambah hari demi hari (Abdul Ghafar Don, 2008).

Menurut Hassan Ahmad (2006), sudah mulai timbul cadangan di Malaysia supaya Islam disamaratakan dengan agama lain dan soal agama hendaklah dianggap soal peribadi lantaran sekularisme, pluralisme dan liberalisme dibiarkan berkembang dalam kalangan orang Islam. Antara nama yang dikaitkan dengan Islam Liberal ialah Zainah Anwar, Farish A. Noor dan Akbar Ali (Mohd Rumnaizuddin, 2005). Situasi ini boleh menimbulkan salah faham terhadap ajaran Islam dan akhirnya menyebabkan implikasi negatif terhadap aqidah umat Islam. Pertembungan antara pendidikan Islam di sekolah dengan fahaman Islam Liberal bakal mewujudkan situasi yang mengelirukan dan dikhuatiri membawa kepada permasalahan aqidah.

Selain itu, teknologi yang berkembang pesat memudahkan fahaman Islam Liberal menyusup masuk ke dalam minda atau pemikiran pelajar. Golongan terpelajar juga menjadi sasaran dan akhirnya menjadi pendokong kuat kepada fahaman ini. Senario ini dianggap sebagai cabaran yang besar kepada pendidikan Islam hari ini. Kajian yang dijalankan terhadap para pelajar merupakan suatu usaha untuk melihat sejauh mana fahaman tersebut mempengaruhi aqidah mereka supaya langkah awal dapat diambil bagi membendunginya.

Zamihan Mat Zin (2006) telah membangkitkan beberapa permasalahan berhubung

Islam Liberal. Antaranya ialah tiada pengetahuan asas tentang Islam Liberal dan kegagalan memahami ancaman Islam Liberal dengan tepat. Oleh itu, kajian awal ini amat diperlukan untuk melihat sejauhmana tahap pengetahuan pelajar mengenai Islam Liberal dan tahap pengaruhnya terhadap penghayatan aqidah pelajar di sekolah. Terdapat banyak elemen yang diperjuangkan oleh golongan Islam Liberal. Namun, kajian ini hanya menghadkan kepada dua elemen iaitu elemen sekularisme dan pluralisme untuk melihat sejauhmana ia mampu mempengaruhi aqidah pelajar yang telah mempelajari Islam secara formal di sekolah. Fahaman ini berpotensi untuk mempengaruhi pelajar dan menggoyahkan aqidah mereka seterusnya membawa kepada gejala murtad. Oleh yang demikian, tidak dapat tidak kita harus mengakui bahawa Islam Liberal berisiko menjadi suatu ancaman yang mampu menjauhkan masyarakat daripada ajaran Islam yang sebenar.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mencapai beberapa objektif seperti berikut:

- 1) Mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar Islam mengenai Islam Liberal.
- 2) Mengenalpasti tahap pengaruh elemen Islam Liberal terhadap aqidah pelajar.

PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan berkaitan kajian yang ingin dijalankan ialah :

- 1) Apakah tahap pengetahuan pelajar Islam mengenai Islam Liberal?
- 2) Apakah tahap pengaruh elemen-elemen Islam Liberal terhadap aqidah pelajar?

TINJAUAN LITERATUR

Fenomena Islam Liberal

Islam Liberal merujuk kepada suatu fahaman yang berteraskan prinsip kebebasan individu tanpa sempadan (Zamihan Mat Zain, 2006). Oleh itu, ia menekankan aspek kebebasan dan mengutamakan perbahasan menurut akal dan rasional. Mereka menyeru umat Islam supaya bersikap terbuka terhadap idea-idea baru, tidak terikat dengan tradisi dan perkara-perkara yang ketinggalan zaman. Ungkapan Islam Liberal juga merupakan suatu istilah untuk menjelaskan agama Islam yang bersikap toleransi, tidak menggunakan kekerasan, lawan bagi unsur fanatisme yang difahami oleh Barat (Mohd Rumnaizuddin, 2005).

Antara rujukan utama Islam Liberal ialah buku Charles Kurzman (1998) yang bertajuk *Liberal Islam : A Sourcebook*. Buku tersebut menghimpunkan karya 32 orang penulis dari 19 negara termasuk artikel tokoh pemikir liberal seperti Nurkholis Madjid (Indonesia) dan Muhammad Arkoun (Algeria). Walaupun ditulis dengan gaya pemikiran falsafah moden dan terbuka, namun ia dilihat sebagai suatu usaha untuk menerapkan unsur liberal dalam masyarakat. Charles Kurzman (1998) menyatakan dengan jelas bahawa para penulis di dalam buku tersebut berorientasikan fahaman liberal. Namun, wujud kekeliruan mengenai pentakrifan liberal menurut Kurzman kerana turut dimuatkan penulisan tokoh seperti Syeikh Dr. Yusuf Al-Qardhawi sedangkan beliau bukan pendokong Islam Liberal (Adian & Nuim, 2002).

Virginia dan Amin (2004) berpendapat bahawa istilah Islam Liberal disalah anggap oleh umat Islam dengan merujuk kepada kebebasan untuk berjihad. Pandangan tersebut menggalakkan umat Islam untuk menggunakan fungsi akal dan rasional untuk menginterpretasi pelbagai perkara termasuk hal yang bersifat qat'ie, padahal tafsiran berdasarkan nafsu semata-mata tanpa panduan hanya akan merosakkan ajaran Islam. Walaupun wacana Islam Liberal tidak menjadi perbahasan utama di Malaysia, namun ia bukan suatu aliran pemikiran yang baru. Hal ini demikian kerana elemen-elemen yang dibawa oleh Islam Liberal telah bertapak lebih awal dan mempengaruhi aqidah umat

Islam. Elemen Islam Liberal yang difokuskan dalam kajian ini ialah elemen sekularisme dan pluralisme agama.

Menurut Al-Attas (2010), perkataan *secular* berasal daripada bahasa latin *saeculum* yang bermakna zaman kini atau masa kini. Sekularisasi pula didefinisikan sebagai pembebasan manusia dari kongkongan agama dan kongkongan metafizik. Fahaman ini boleh difahami sebagai suatu usaha untuk menghilangkan unsur agama dalam kehidupan manusia atau mewujudkan dunia tanpa agama. Walaupun berasal dari Barat, namun ia begitu kuat menghambat masyarakat Islam sehinggakan Islam cuba untuk dipisahkan daripada urusan dunia.

Sekularisme yang muncul di Eropah adalah refleksi daripada ketidaksesuaian ajaran Kristian dalam menghadapi kekejaman kaum pendita dan ia menjalar ke dalam pemikiran umat Islam yang mendapat pendidikan Barat (Abdul Halim, 1989). Kejayaan sekularisme di Barat menghancurkan agama Kristian tidak sewajarnya dicontohi sehingga kita sanggup membiarkan agama Islam mengalami nasib yang sama. Asghar Ali (2004) yang dianggap tokoh pemikir Liberal berpendapat bahawa Islam bersesuaian dengan sekularisme jika sekularisme tidak diertikan sebagai penolakan iman. Beliau juga mengakui, salah satu daripada aspek penting sekularisme moden adalah pemisahan agama daripada negara. Namun, sebenarnya sekularisme hanya berasaskan rasional dan logik akal tanpa mempertimbangkan hakikat agama yang mempunyai unsur spiritual. Fahaman sekularisme yang melanda dunia Islam hari ini telah memperlihatkan tanda-tanda penghakisan nilai dan identiti Islam khususnya dalam kalangan remaja Islam (Azma Mahmood, 2006). Pada hakikatnya, Islam merupakan ajaran yang syumul dan meliputi seluruh aspek kehidupan. Oleh itu, umat Islam tidak wajar menerima sebahagian sahaja ajaran Islam dan menolak sebahagian yang lain dengan sewenang-wenangnya. Setiap aspek kehidupan manusia seharusnya dipandu agama supaya umat manusia tidak terjebak dengan nilai-nilai yang merosakkan.

Selain itu, golongan Islam Liberal mendokong pluralisme agama dengan dakwaan bahawa semua agama adalah sama dan menyeru kepada kebaikan (Zamihan, 2006; Muhd. Najib et. al, 2007) bahkan kita tidak boleh mendakwa hanya satu agama adalah benar (eksklusif). Mereka juga beranggapan bahawa perbezaan yang wujud antara agama adalah dari sudut teknikal sahaja dan setiap agama mampu memberi keselamatan kepada penganutnya. Khalif Muammar (2009) menegaskan bahawa pluralisme agama bukan kepelbagaian agama atau toleransi beragama, tetapi kebenaran semua agama kerana semua agama pada hakikatnya dikatakan berasal dari Tuhan yang sama. Pandangan tersebut bermaksud semua agama menuju ke arah matlamat yang sama tetapi melalui jalan yang berbeza.

Mereka mahu masyarakat Islam menerima teologi pluralis dan fahaman yang menghubungkan semua agama (lintas agama). Justeru, perkahwinan pasangan yang berbeza agama merupakan salah satu usaha mereka untuk mengiktiraf kebenaran semua agama. Kekeliruan timbul akibat daripada pemikiran bahawa kebenaran tidak bersifat mutlak dan kebenaran tidak boleh dimiliki oleh mana- mana agama (Muhibudin, 2004). Pemikiran relativisme inilah yang menjadi falsafah pluralime agama. Hal ini bertentangan dengan aqidah Islam yang mengakui bahawa Islam merupakan satu-satunya agama yang benar di sisi Allah SWT (Surah Ali-Imran, ayat 19).

Konsep pluralisme agama yang menanamkan keraguan terhadap kebenaran Islam amat berbahaya. Akibatnya, penganut Islam cenderung untuk mendokong hak kebebasan untuk menganut dan mengamalkan mana-mana agama. Penganut teologi sesat ini sering mengetengahkan Surah al-Baqarah, ayat 62 dan Surah al- Ma'idah, ayat 69 untuk

menyokong fahaman ini. Namun, pandangan mereka boleh disanggah melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Ma'idah, ayat 73 yang secara jelas menyatakan bahawa kaum Yahudi dan Nasrani sudah berada dalam kesesatan ketika Islam datang kepada umat manusia.

Asghar Ali (2004) menganggap Islam menerima pluralisme agama, sesuai dengan al-Quran kerana wujudnya penghormatan yang sama untuk nabi-nabi. Beliau juga berpendapat, Rasulullah SAW menyediakan ruang sosial dan agama yang sama untuk semua agama yang ada di Madinah. Selain itu, beliau turut berhujah dengan ayat 48, Surah al-Maidah yang didakwa mempunyai pernyataan yang tegas dalam menyokong pluralisme agama. Namun, sekiranya diteliti secara mendalam, bukan semua agama menyembah Tuhan yang Esa dan bukan semua agama mempunyai kitab wahyu seperti al-Quran yang telah terbukti kemukjizatannya.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa elemen sekularisme dan pluralisme agama begitu dominan dan giat dipromosikan oleh pendokong fahaman Islam Liberal. Senario ini perlu diteliti dan diperhalusi agar usaha awal dapat dilaksanakan bagi menyekat pengaruhnya terhadap aqidah.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian tinjauan digunakan oleh pengkaji untuk mengukur pembolehubah yang berkaitan dengan fenomena. Kajian tinjauan berbentuk kajian silang atau *cross-sectional* dipilih kerana penyelidik mengumpul data hanya sekali daripada sampel disebabkan oleh tempoh masa yang singkat. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Islam tingkatan lima di sebuah sekolah menengah kebangsaan yang terletak di negeri Johor. Jumlah pelajar Islam tingkatan lima di sekolah tersebut adalah seramai 380 orang. Oleh itu, kajian ini terbatas kepada sampel yang terdiri daripada pelajar tingkatan lima sekolah ini sahaja. Soal selidik diedarkan kepada 60 orang pelajar secara rawak iaitu 30 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan.

Kajian ini menggunakan satu bentuk instrumen kajian iaitu soal selidik. Satu set borang soal selidik dibina untuk diberikan kepada sampel kajian. Soal selidik adalah berdasarkan skala likert 4 iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Data-data yang diperolehi telah diproses menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 17.0. Data-data tersebut dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Statistik ini digunakan untuk mengenalpasti sejauhmana tahap pengetahuan pelajar tentang Islam Liberal dan tahap pengaruh elemen Islam Liberal terhadap penghayatan aqidah pelajar.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Berdasarkan jadual 1, jumlah responden adalah seramai 60 orang pelajar yang terdiri daripada 30 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan mewakili yang dipilih secara rawak. Semua responden berumur 17 tahun.

Jadual 1: Demografi Responden

Bil.	Item		Kekerapan	Peratus (%)
1	Jantina	Lelaki	30	50
		Perempuan	30	50
2	Umur	17 Tahun	60	100
3	Bangsa	Melayu	60	100
4	Aliran	Sains Tulen	49	81.7
		Lain-lain	11	18.3
5	Gred Pendidikan Islam PMR	A	49	81.7
		B	11	18.3

Keseluruhan responden adalah berbangsa Melayu. Selain itu, dari sudut aliran seramai 49 orang adalah daripada aliran sains tulen yang mewakili 81.7% manakala baki 11 orang pelajar (18.3%) adalah daripada lain-lain aliran yang merujuk kepada aliran sains teknologi. Gred markah Pendidikan Islam Penilaian Menengah Rendah (PMR) pula menunjukkan sejumlah 49 orang pelajar (81.7%) memperoleh gred A dan selebihnya (18.3%) mendapat gred B. Gred ini amat penting untuk melihat sejauhmana tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Analisis Data Tahap Pengetahuan Pelajar Mengenai Islam Liberal

Jadual 2 menunjukkan tahap pengetahuan pelajar mengenai fahaman Islam Liberal. Data ini menghasilkan kekerapan, peratus dan min. Item-item bagi tahap pengetahuan Islam Liberal pelajar adalah berdasarkan kepada skala Likert 4 iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), setuju (S) dan sangat setuju (SS).

Min Keseluruhan = 2.14

Analisis Data Tahap Pengaruh Elemen Islam Liberal Terhadap Aqidah

Data yang ditunjukkan pada jadual 3 adalah berkaitan tahap pengaruh elemen- elemen Islam Liberal terhadap penghayatan aqidah pelajar. Elemen yang dimaksudkan ialah elemen sekularisme dan pluralisme. Data ini menghasilkan kekerapan, peratus dan min. Tahap pengaruh elemen-elemen Islam Liberal diukur berdasarkan kepada skala Likert 4 iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), setuju (S) dan sangat setuju (SS).

Jadual 3 : Tahap pengaruh elemen Islam Liberal terhadap aqidah

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	S (%)	SS (%)	Min
1	Setiap agama mempunyai kebenaran masing-masing	18	13	15	14	2.42
2	Manusia bebas menganut apa-apa agama asalkan percaya kepada Allah	30.0	21.7	25.0	23.3	1.20
SWT	Islam Liberal mahu menampilkan Islam secara lebih rasional dan sesuai dengan perkembangan zaman	86.7	10.0	0	3-3	1-95
3	Perbahasan menurut akal menjadi tonggak utama golongan Islam Liberal	27	15	10	7	1-95
		45-8	25-4	16.9	11.9	
4	Sekularisme dan pluralisme merupakan antara ciri-ciri Islam Liberal	26	9	22	3	2.03
		43-3	15-0	36.7	5-0	
5	Islam Liberal mampu merosakkan aqidah umat Islam	19	10	22	7	2.29
		32.8	17.2	37-9	12.1	
		21	7	19	12	2.37
		35-6	11.9	32.2	20.3	

3	Islam bukan satu-satunya agama yang benar	59	1	0	0	1.02
4	Semua agama adalah sama kerana menyeru kepada kebaikan	30	12	9	8	1.92
5	Nilai-nilai agama mesti dibezakan dengan nilai-nilai kehidupan	50.8	20.3	15-3	13-6	1.82
6	Politik, ekonomi dan sains tidak boleh dikaitkan dengan agama	29	17	10	4	1.82
7	Tugas mempertahankan Islam perlu dipikul oleh golongan agama sahaja	48.3	28.3	16.7	6.7	1.58
8	Pelaksanaan hukum hudud pada zaman moden adalah ketinggalan zaman	34	18	7	1	1.58
9	Wanita Islam bebas untuk tidak menutup aurat asalkan menunaikan solat fardhu lima waktu	56.7	13-0	11.7	1-7	1.49
10	Hukum-hakam Islam perlu ditafsirkan semula untuk disesuaikan dengan keadaan zaman	37	16	5	1	1.49
		62.7	27.1	8.5	1-7	1.72
		31	19	6	4	1.72
		51-7	31-7	10.0	6.7	1.05
		57	3	0	0	1.05
		95-0	5-0	0	0	1.62
		39	10	6	5	1.62
		65.0	16.7	10.0	8-3	

Min Keseluruhan = 1.58

Hasil analisis data menunjukkan bahawa tahap pengetahuan para pelajar mengenai fahaman Islam Liberal adalah sederhana (min=2.14). Tahap pengaruh elemen-elemen Islam Liberal terhadap aqidah juga berada pada tahap yang rendah (min=1.58). Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa wujud pengaruh Islam Liberal terhadap aqidah pelajar.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Tahap Pengetahuan Pelajar Mengenai Islam Liberal

Berdasarkan data yang berjaya dikumpulkan, didapati bahawa tahap pengetahuan pelajar tentang Islam Liberal adalah sederhana. Hal ini demikian kerana tiada item yang berada pada tahap min tinggi iaitu julat antara 3.01 hingga 4.00. Manakala bagi tahap min sederhana iaitu julat antara 2.01 hingga 3.00 terdapat empat item sahaja dan bakinya sebanyak satu item berada pada tahap min rendah antara 1.00 hingga 2.00. Min keseluruhan pula menunjukkan tahap yang sederhana iaitu 2.14.

Islam Liberal dilihat mampu mendominasi pemikiran umat Islam yang rapuh imannya kerana akal dan rasional dijadikan sebagai tonggak utama yang perlu dimanfaatkan semaksimum mungkin, sedangkan pada hakikatnya Islam membenarkan rasionalisme dalam erti kata penggunaan akal manusia untuk mencari kebenaran dengan bimbingan wahyu. Oleh kerana akal menjadi tunjang utama gerakan Islam Liberal, ia mudah diterima dan ditanggapi selagi ianya mempunyai logik. Hal ini membuktikan bahawa ancaman Islam Liberal perlu diketahui oleh umat Islam. Kegagalan untuk memahami fahaman ini akan mengundang kecelaruan akidah yang mampu membawa kepada kesesatan yang nyata.

Tanggungjawab yang besar perlu dimainkan untuk membentuk para pelajar dengan acuan ilmu dan orientasi pendidikan yang betul. Jika tidak, generasi hari ini bakal melanjutkan tradisi dualisme malah pendidikan agama akan menjadi terpinggir dan akhirnya pembaratan dan globalisasi terus-menerus mencetuskan fahaman liberal seperti yang terdapat di Barat.

Gagasan Islam Liberal sangat berbahaya kepada umat Islam. Tempiasnya sudah dirasai dan ianya semakin berkembang dalam kehidupan masyarakat Islam yang rata-rata tidak sedar mengenai pengaruh liberalisme dalam Islam. Akibatnya, tidak hairan jika pada hari ini ramai yang memilih untuk berdisko, berzina, berjudi dan melakukan apa sahaja sesuka hati kerana beranggapan bahawa mereka berhak untuk melakukan perkara

tersebut atas dasar kebebasan individu sedangkan pada hakikatnya perbuatan tersebut bertentangan dengan hukum agama.

Berdasarkan rumusan tersebut, dapat disimpulkan bahawa tahap pengetahuan yang tinggi mengenai Islam Liberal amat penting bagi mengelakkan aqidah pelajar mudah luntur. Kesukaran untuk mengenalpasti wajah Islam Liberal disebabkan pengetahuan dan kefahaman yang cetek akan menyebabkan para pelajar mudah dipengaruhi. Justeru, usaha untuk meningkatkan kefahaman pelajar tentang Islam Liberal perlu dititikberatkan untuk memastikan para pelajar menyedari dan mudah menghidu bahaya yang dibawa oleh golongan yang memperjuangkan gagasan Islam Liberal.

Tahap Pengaruh Elemen Islam Liberal Terhadap Aqidah Pelajar

Berdasarkan analisa data yang telah dikumpulkan, didapati bahawa pengaruh elemen Islam Liberal berada pada tahap yang rendah. Hal ini demikian kerana tiada item yang berada pada tahap min tinggi iaitu pada julat antara 3.01 hingga 4.00 dan hanya terdapat satu item yang mempunyai nilai min sederhana iaitu julat antara 2.01 hingga 3.00. Kebanyakan item berada pada tahap min rendah pada julat antara 1.00 hingga 2.00 iaitu sebanyak sembilan item. Min keseluruhan pula menunjukkan tahap yang rendah iaitu 1.58.

Pada tahun 1989, Abdul Halim Mat Diah telah menyatakan kebimbangan terhadap kegagalan memahami hakikat Islam yang menyebabkan lahirnya pemikiran-pemikiran yang menodai dan mencemarkan kemurnian pemikiran Islam. Justeru, ianya jelas membuktikan bahawa ancaman Islam Liberal adalah bertitik tolak daripada kegagalan memahami hakikat Islam yang sebenar. Fahaman sekularisme dan pluralisme bukan ciptaan umat Islam. Realitinya, ia diveduk daripada orang bukan Islam dan mula sebat dengan kehidupan umat Islam. Islam sememangnya membenarkan penganutnya menggunakan potensi akal, tetapi sekiranya mereka bertuhankan akal maka pasti mudharat yang besar akan berlaku kepada umat manusia.

Terdapat pelbagai usaha untuk memisahkan Islam daripada kehidupan, bertujuan untuk menjadikan Islam sebagai suatu teori keagamaan tanpa pelaksanaan secara menyeluruh. Hal ini disokong Ramli Awang (2002) yang berpendapat bahawa terdapat umat manusia yang ingin menjadikan agama ini sebagai satu ibadah tanpa akhlak, ataupun memilih akhlak tanpa ibadah sedangkan hakikat sebenar Islam adalah meliputi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Selain itu, terdapat golongan yang mahukan Islam sebagai aqidah, ibadah dan akhlak tetapi mereka tidak mahu Islam dijadikan dasar perundangan atau peraturan hidup khususnya dalam sistem pemerintahan.

Sekularisme dan pluralisme merupakan antara elemen Islam Liberal yang telah berjaya menggugat aqidah pelajar Islam. Hakikatnya, Islam tidak pernah membezakan antara peraturan sosial, ekonomi dan politik dengan agama bahkan ianya saling berhubungan. Namun, kini agama dianggap sebagai suatu perkara yang bersifat sampingan dan bukan perkara asas yang menjadi panduan dalam segenap aspek kehidupan. Hal ini dirumitkan lagi dengan anggapan bahawa Islam bukan satu-satunya agama yang benar bahkan hanya sebuah agama inklusif iaitu agama yang terbuka, tidak tertutup dan menerima agama lain sama dengan agama sendiri (Hassan Ahmad, 2006). Akibatnya, umat Islam telah menjadi buta seterusnya gagal melihat agama sebagai paksi kepada bidang yang lain.

Perbahasan ini memperlihatkan kesan yang bakal dihadapi oleh umat Islam akibat kealpaan terhadap ancaman Islam Liberal. Senario yang berlaku di Barat iaitu orang-orang Kristian menuntut agar Bible dinilai semula kelihatan turut berlaku dalam

kalangan umat Islam yang menuntut agar Al-Quran ditafsirkan semula. Sekiranya fahaman Islam Liberal dibiarkan menular dalam kehidupan umat Islam, maka akan lahir lebih ramai individu liberal yang berani mencabul dan mengubahsuai agama mengikut kehendak dan citarasa masing-masing. Oleh itu, sektor pendidikan perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam melaksanakan suatu strategi menyeluruh demi memperkukuhkan penghayatan agama dalam kalangan pelajar.

Menurut Rosnani Hashim (2004), walaupun umat Islam menerima rasional pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), namun mereka tidak optimis terhadap implementasinya. Che Noraini (2005) pula menganggap bahawa cita-cita murni ini masih jauh kerana pelaksanaan sebenar tidak seiring dengan falsafah yang dihasratkan. Oleh itu, pelaksanaan FPK yang tidak bersungguh-sungguh dilihat sebagai isu yang perlu diberi tumpuan dalam usaha untuk menangani masalah aqidah pelajar. Pendidikan seharusnya dilaksanakan secara holistik dan bersepadu melalui pengintegrasian ilmu agama dan disiplin ilmu yang lain bagi melahirkan umat Islam yang bertunjangkan aqidah.

Berita di dada-dada akhbar mengenai permasalahan aqidah yang membawa kepada gejala murtad sewajarnya menggerunkan kita. Pengabaian syariat Islam yang berlaku dalam kehidupan pelajar, sama ada di sekolah mahupun universiti perlu diberi perhatian serius sebelum ianya bertukar menjadi parah. Jika masalah aqidah masih dipandang ringan dan tidak ditangani dengan tegas maka sudah tentu kefahaman umat Islam kian terhakis dari semasa ke semasa dan akhirnya ramai yang memilih untuk keluar daripada landasan agama.

Oleh yang demikian, pengajian aqidah memerlukan suatu orientasi baru dari segi pendekatan. Antara cabarannya ialah menjadikan subjek aqidah sebagai suatu yang menambat hati dan menarik minat para pelajar. Justeru, intipati aqidah perlu dihuraikan dengan pendekatan baru yang lebih meyakinkan. Secara ringkas, tahap penghayatan aqidah yang tinggi amat penting untuk menjadi benteng yang kuat dalam usaha melawan arus ideologi liberal yang direka kelompok manusia yang bertuhankan akal dan rasional. Pengabaian terhadap aspek aqidah bakal merosakkan keimanan pelajar lantaran membuka ruang untuk elemen atau unsur liberal menyerap masuk. Aqidah yang goyah amat merbahaya dan mampu menyemarakkan gejala murtad yang sukar untuk dibendung akibat kerakusan manusia memenuhi tuntutan nafsu yang tidak dipandu syariat.

Berdasarkan dapatan kajian, saranan-saranan berikut dikemukakan :

- 1) Sistem pendidikan dualisme di Malaysia perlu diubah agar tidak mengasingkan agama dengan akademik supaya mampu menjadi penawar untuk membendung permasalahan aqidah. Kejahilan ummah terhadap hakikat Islam dapat diatasi apabila sistem dualisme pendidikan dapat diganti dengan sistem pendidikan yang bersumberkan kepada Falsafah Pendidikan Islam.
- 2) Kurikulum Pendidikan Islam perlu dikaji semula supaya seiring dengan keperluan semasa. Usaha untuk mengkaji kurikulum sedia ada harus dilaksanakan dari semasa ke semasa. Hal ini termasuk memantapkan silibus Pendidikan Islam seperti mengetengahkan tajuk Islam Liberal, Tauhid dan Modenisme, dan sebagainya dalam disiplin ilmu aqidah. Hal ini demikian bagi memastikan pelajar dapat dibekalkan dengan ilmu yang mencukupi untuk berdepan dengan cabaran semasa.
- 3) Pengajaran dan penilaian Pendidikan Islam perlu dilaksanakan dalam konteks yang lebih luas. Penekanan terhadap aspek kognitif atau pengetahuan aqidah

semata-mata tidak memadai tanpa melihat kepada aspek perlakuan aqidah pelajar. Tumpuan yang keterlaluan terhadap aspek kognitif hanya akan melahirkan pelajar Islam yang tahu tapi tidak beramal.

- 4) Guru harus berperanan untuk menyediakan pengalaman bermakna dalam konteks kehidupan seharian pelajar, memberi perhatian kepada masalah pelajar dan menyediakan pelajar dengan kebolehan menyelesaikan masalah supaya mereka mampu berperanan sebagai umat Islam yang berjaya. Tambahan pula, mata pelajaran Pendidikan Islam membabitkan pengajaran fakta tentang Islam dan bukan pengajaran tentang cara untuk menjadi orang Islam yang baik. Selain itu, semua guru yang beragama Islam perlu menampilkan imej Islam yang sebenar agar mampu menjadi contoh tauladan yang baik kepada para pelajar.
- 5) Pendidikan terhadap guru juga perlu diperbaiki agar berada pada landasan aqidah yang betul untuk mencapai matlamat pendidikan. Guru yang mengajar ilmu agama dan ilmu bukan agama perlu diorientasikan semula supaya mereka dapat menggarap falsafah, konsep dan pendekatan dalam Pendidikan Islam. Bakal-bakal guru perlu dididik sepenuhnya berdasarkan paradigma tauhid.
- 6) Pihak berwajib seperti JAKIM, JAIN, Jabatan Mufti, Mahkamah Syariah, NGO Islam, cendekiawan Islam dan masyarakat perlu bergabung tenaga dalam usaha menangkis dan membongkar penyelewengan golongan Islam Liberal. Institusi ulama' perlu diperkasakan agar mampu berperanan melawan arus liberalisasi. Tindakan yang terancang dan sistematik perlu dilaksanakan secara bersepadu dan menyeluruh untuk menyekat penularan fahaman ini daripada menjadi barah kepada umat Islam di Malaysia.

KESIMPULAN

Pada masa ini, negara-negara Islam pada umumnya mendewakan barat dalam segala hal. Ianya termasuk hal-hal pendidikan yang berkaitan dengan agama Islam. Buku-buku para orientalis juga telah tersebar meluas dalam masyarakat Islam. Penghantaran para pelajar Islam ke negara-negara barat untuk mendalami Islam juga dilihat membawa padah kerana pulangnyanya mereka ke negara asal bersama-sama ideologi liberal yang akhirnya disebarkan kepada masyarakat Islam. Hari demi hari, fahaman liberal terus merebak dan ianya dilihat tidak mampu ditepis golongan yang tipis iman dan goyah penghayatan aqidah.

Golongan Islam Liberal seolah-olah berjaya menghasilkan sebuah agama baru sesuai dengan kerangka pemikiran mereka yang jelas selari dengan *worldview* barat. Ringkasnya Islam Liberal merupakan bukti kejayaan proses liberalisasi Islam iaitu proses mengelirukan dan menghancurkan umat Islam dari dalam diri umat Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, kajian ini dilihat sebagai suatu titik percubaan untuk membongkar pengaruh elemen Islam Liberal terhadap aqidah pelajar. Pelbagai dakwaan mengenai fahaman liberal yang dikatakan mampu menggugat aqidah adalah berasas dan mempunyai kebenarannya. Malah, generasi muda yang mempelajari Islam secara formal di sekolah turut menjadi mangsanya. Hakikat ini perlu diteliti secara lebih mendalam supaya kita tidak terlambat untuk menjalankan usaha bagi menanganinya. Tidak dapat tidak, kita harus mengakui bahawa fahaman Islam Liberal berpotensi untuk menjadi virus yang merosakkan aqidah dan seterusnya menggagalkan usaha pengislahan umat Islam di Malaysia.

Semua pihak perlu memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan pemikiran masyarakat selari dengan pemikiran Islam yang hakiki. Kebangkitan umat Islam harus dimulai dengan keilmuan dan keimanan kepada Allah. Umat Islam sama ada generasi

muda atau dewasa tidak mungkin dapat meneruskan kegemilangan Islam cetusan Rasulullah s.a.w sekiranya mereka gagal berdepan dengan cabaran semasa seperti Islam Liberal. Justeru, kita perlu memahami hakikat dunia moden hari ini secara bijak dan mendalam, berteraskan ilmu yang benar agar tidak terjerumus dan terperangkap dalam jahiliyyah bentuk moden yang dirintis musuh Islam. Mudah-mudahan Allah memberi kekuatan kepada kita untuk menghadapi perancangan licik mereka.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd Ali. (2008). *Dakwah dan Cabaran : De- Islamisasi di Malaysia*. Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd.
- Abdul Halim Mat Diah. (1989). *Pendidikan Islam Di Malaysia : Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Adian Husaini & Nuim Hidayat. (2002). *Islam Liberal : Sejarah, Konsepsi, Penyimpangan dan Jawabannya*. Jakarta: Gema Insani.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2010). *Islam dan Sekularisme*. Bandung: Institut Pemikiran Islam dan Pembangunan Insan.
- Asghar Ali Engineer. (2004). *On Developing Theology of Peace in Islam* teij. Rizqon Khamami. Yogyakarta : Alenia Bentang Jendela Aksara.
- Azma Mahmood. (2006). *Pengukuran tahap penghayatan Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Charles Kurzman (pnyt.). (1998). *Liberal Islam : A Sourcebook*. New York : Oxford University Press.
- Che Noraini Hashim. (2005). *Keruntuhan akhlak dan pembangunan remaja masakini : cabaran Pendidikan Islam di Malaysia*. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam : Pendidikan Islam Ke Arah Kemanusiaan Sejangat*, him. 19-28.
- H.M. Jajuli. (2004). *Dilema Islam Liberal*. *Dewan Budaya Jan* : 51-53.
- Hassan Ahmad. 2006. *Pemikiran Islam Liberal : Suatu Ancaman*. *Dewan Masyarakat Julai*: 22-23.
- Jaffary Awang & Kamaruddin Salleh. (2007). *Pemikiran Islam dan Isu-Isu Semasa*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, FPI, UKM.
- Khalif Muammar A. Harris. (2009). *Atas Nama Kebenaran : Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Bangi : Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Mohd Rumnaizuddin Ghazali. (2005). *Ciri-ciri Islam Liberal*. *Al-Islam September* : 18-20.
- Muhd Najib Abdul Kadir, Muhibudin Hassan & Mazlan Ibrahim. 2007. *Tafsiran al-Quran dalam Perspektif Jaringan Islam Liberal*. *Jurnal Islamiyyat*, Vol 29.
- Muhibudin Hasan. (2004). *Tafsir jaringan islam liberal (JIL) : satu kajian analisis metodologi dan penyelewengan tafsir JIL di Indonesia*. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muslim Gunawan. (2005). *Metodologi ijtihad versi islam liberal: satu analisa atas metodologi ijtihad Jaringan Islam Liberal (JIL) di Indonesia*. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramli Awang. (2002). *Tasawwur Rabbani Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adnan Fadhil. (2006). *Siri Serangan Pemikiran : Islam Liberal dan Pluralisme Agama*. Batu Caves : MHI Publication.
- Rosnani Hashim. (2004). *Educational Dualism In Malaysia : Implications for Theory and Practice*. Selangor : The Other Press.
- Virginia Hooker & Amin Saikal. (2004). *Islamic Perspectives On The New Millennium*. Singapore : Institute of Southeast Asian Studies.
- Zamihan Mat Zin. (2006). *Ancaman liberalisme dan pluralisme*. *Kertas Keija Seminar*

